

22 OCT 2003

Mahathir-Pengganas/I

DR M MENYELAR NEGARA YANG MENCETUSKAN PERANG MENENTANG PENGGANAS

Oleh: Openg Onn

JOGJAKARTA, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar negara yang mencetuskan perang menentang pengganas tetapi sebenarnya membunuh keluarga yang tidak berdosa, memusnahkan rumah, kampung dan bandar asal pengganas itu.

"Selepas 11 Sept, dunia telah mempelajari mengenai kebimbangan keganasan, serangan membutatuli dan membunuh orang yang tidak berdosa dalam usaha mencapai sesetengah hasrat atau semata-mata untuk membalas dendam," kata beliau.

Serangan ganas bukan sahaja bertindak tidak menentu atas diri sendiri (tetapi) menyatakan ada program ganas mereka sendiri, kata beliau.

"Kita sudah lihat tindak balas yang dilancarkan, bukan sahaja membunuh pengganas yang disyaki tetapi keluarga, rumah, kampung dan bandar beliau," kata Dr Mahathir dalam ucapannya di sini Rabu pada penyampaian Anugerah Fellow Kehormat kepada beliau daripada Pertubuhan Persekutuan Kejuruteraan Asean (Afeo).

Adalah tidak munasabah memikirkan bahawa serangan seperti itu tidak mengenai orang yang tidak berdosa, sebenarnya ganas adalah lebih besar, kerana ia sistematik dan membunuh dengan senjata berat di tangan askar yang terlatih.

Beliau berkata nampaknya pendukung dan pengamal demokrasi besar percaya bahawa cara untuk memperluaskan doktrin dan kekuatan ialah dengan mengganas dunia.

Dr Mahathir berkata keganasan boleh terjadi dengan bentuk keganasan ekonomi yang menyemaikan kebimbangan dan kemusnahan terhadap kehidupan dan harta benda seperti bom dan senapang.

Ekonomi mungkin dimusnahkan, memiskinkan seluruh negara dan rantau, keadaan pengangguran, menjejaskan keamanan, ketenangan masyarakat dengan rusuhan, pembunuhan dan jenayah, kata beliau.

"Hanya kerana spekulasi dan manipulasi yang rakus dan medianya sendiri yang tidak mencerminkan tindakan mereka sebagai keganasan bukan bererti bahawa mereka tidak bertindak seperti keganasan, tindakan yang menyebabkan kebimbangan dan keganasan di kalangan mangsa mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

OPP JM BK